




## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 21 JULAI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 21 Julai 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **7,902 kes** (806,857 kes kumulatif, 84.8%);
- Kes baharu : **11,985 kes** (951,884 kes kumulatif);
- Kes import : **7 kes** (5 warganegara, 2 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **11,978 kes** [10,445 warganegara (87.2%); 1,533 bukan warganegara (12.8%)];
- Kes aktif : **137,587 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **927 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **459 kes**;
- Kes kematian : **199 kes** (7,440 kes kumulatif, 0.78%; 173 warganegara, 26 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **3,329 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **30 kluster**;

- Jumlah kluster yang telah tamat : **2,398 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **931 kluster**.



Daripada **11,985 kes harian** yang dilaporkan pada hari ini, sebanyak **65 kes (0.5 peratus)** adalah daripada kategori 5 (kritikal dan memerlukan bantuan pernafasan), **45 kes (0.4 peratus)** kategori 4 (radang paru-paru dan memerlukan bantuan oksigen), **178 kes (1.5 peratus)** kategori 3 (radang paru-paru),

**5,847 kes (48.7 peratus)** kategori 2 (bergejala ringan), dan **5,850 kes (48.9 peratus)** kategori 1 (tidak bergejala). Ini adalah berdasarkan keadaan klinikal mereka semasa baru didiagnosa COVID-19. Ada di antara mereka kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga yang berubah status kesihatan mereka sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.

Secara keseluruhannya, hanya 2.4 peratus kes yang dilaporkan pada hari ini berada pada kategori 3 hingga 5 dan 97.6 peratus kes berada pada kategori 1 dan 2, iaitu pada mula didiagnosa. KKM telah mengambil pendekatan bagi kes kategori 1 dan 2 yang berisiko rendah dan mempunyai kediaman yang sesuai untuk di kuarantin/isolasi di rumah. Ini dapat membantu mengurangkan kesesakan di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) dan hospital-hospital. Kes-kes kategori 3 hingga 5 akan dimasukkan ke PKRC, wad-wad hospital, dan juga Unit Rawatan Rapi (ICU) di hospital.

Melihat situasi jumlah kes harian yang kekal tinggi, sememangnya katil-katil di hospital terutamanya ICU adalah penuh dengan pesakit. Daripada laporan yang diterima CPRC Kebangsaan dan CPRC Perkhidmatan Hospital, kumpulan umur lebih muda misalnya 40-an dan 50-an dilihat lebih banyak memenuhi ICU berbanding warga emas berumur 60 tahun dan

ke atas. Situasi ini membuktikan vaksin telah membantu mengurangkan jangkitan COVID-19 di kalangan golongan rentan dan warga emas.

Oleh itu, KKM ingin terus menyeru warga Malaysia terutamanya daripada kumpulan umur 18 hingga 59 tahun untuk mendaftar, mengikut temujanji yang ditetapkan, dan hadir mendapatkan vaksin COVID-19.

Sebanyak **199 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **84 kes** di Selangor, **57 kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **16 kes** di Melaka, **12 kes** di Kedah, **tujuh (7) kes** di Negeri Sembilan, masing-masing **enam (6) kes** di Johor dan Pahang, **tiga (3) kes** di Terengganu, **dua (2) kes** di Pulau Pinang, Perak, dan Kelantan, serta masing-masing **satu (1) kes** di Sabah dan Sarawak.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

## KADAR KEBOLEHJANGKITAN COVID-19 ATAU $R_0$ / $R_T$ (STATUS SEHINGGA 20 JULAI 2021)

Berdasarkan data terkini pada **20 Julai 2021**, nilai  $R_T$  Malaysia adalah sebanyak **1.12**. Negeri yang mencatatkan nilai  $R_T$  yang tertinggi adalah Terengganu (nilai  $R_T$  1.31). Manakala negeri-negeri lain yang mencatatkan  $R_T$  melebihi 1.0 adalah, Sabah (nilai  $R_T$  1.25), Kedah (nilai  $R_T$  1.23), Pulau Pinang (nilai  $R_T$  1.23), Pulau Pinang (nilai  $R_T$  1.22), Johor (nilai  $R_T$  1.20), Wilayah Persekutuan Putrajaya (nilai  $R_T$  1.19), Selangor (nilai  $R_T$  1.15), Negeri Sembilan (nilai  $R_T$  1.14), Pahang (nilai  $R_T$  1.14), Perak (nilai  $R_T$  1.13), Melaka (nilai  $R_T$  1.12), Kelantan (nilai  $R_T$  1.10), dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (nilai  $R_T$  1.08).

Nilai  $R_T$  mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 5 dalam kenyataan media ini.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

21 Julai 2021 @ 6:30 petang.

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 21 JULAI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SELANGOR</b>	5,550 (3)	337,897
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	1,174 (2)	101,926
<b>JOHOR</b>	644 (2)	80,991
<b>SABAH</b>	474	76,927
<b>SARAWAK</b>	261	72,213
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	745	64,084
<b>PULAU PINANG</b>	362	40,118
<b>KELANTAN</b>	386	38,293
<b>KEDAH</b>	800	34,756
<b>PERAK</b>	274	32,142
<b>MELAKA</b>	453	26,288
<b>PAHANG</b>	603	19,839
<b>TERENGGANU</b>	171	13,158
<b>WP LABUAN</b>	35	9,503
<b>WP PUTRAJAYA</b>	51	3,117
<b>PERLIS</b>	2	632
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>11,985 (7)</b>	<b>951,884</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

## LAMPIRAN 2

Ringkasan 199 kes kematian pada 21 Julai 2021 adalah seperti berikut:

Negeri	Bil Kes	Jantina		Kewarganegaraan		Tempat Kematian		Sejarah Penyakit
		Lelaki	Perempuan	WN	BWN	Hospital	BID	
Selangor	84	45	39	74	10	63	21	69
WP Kuala Lumpur	57	32	25	43	14	47	10	41
Melaka	16	7	9	15	1	15	1	11
Kedah	12	6	6	11	1	12	-	10
Negeri Sembilan	7	2	5	7	-	7	-	7
Pahang	6	4	2	6	-	6	-	4
Johor	6	3	3	6	-	6	-	5
Terengganu	3	1	2	3	-	3	-	2
Kelantan	2	1	1	2	-	1	1	2
Pulau Pinang	2	-	2	2	-	2	-	2
Perak	2	1	1	2	-	2	-	2
Sabah	1	-	1	1	-	1	-	1
Sarawak	1	1	-	1	-	1	-	1
<b>Jumlah</b>	<b>199</b>	<b>103</b>	<b>96</b>	<b>173</b>	<b>26</b>	<b>166</b>	<b>33</b>	<b>157</b>

\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

\* BID merujuk kepada *Brought In Dead*



### LAMPIRAN 3

Perincian 11,985 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 21 Julai 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	5,550	174	3,679	3	1,694
WP KUALA LUMPUR	1,174	202	529	2	441
KEDAH	800	92	480	-	228
NEGERI SEMBILAN	745	110	450	-	185
JOHOR	644	245	278	2	119
PAHANG	603	154	375	-	74
SABAH	474	82	227	-	165
MELAKA	453	203	190	-	60
KELANTAN	386	168	146	-	72
PULAU PINANG	362	108	128	-	126
PERAK	274	53	98	-	123
SARAWAK	261	71	115	-	75
TERENGGANU	171	32	123	-	16
WP PUTRAJAYA	51	6	25	-	20
WP LABUAN	35	7	22	-	6
PERLIS	2	-	1	-	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>11,985</b>	<b>1,707</b>	<b>6,866</b>	<b>7</b>	<b>3,405</b>

\* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

**LAMPIRAN 4****KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA  
PADA 21 JULAI 2021**

<b>NO</b>	<b>NAMA KLUSTER</b>	<b>KATEGORI KLUSTER</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>JUMLAH DISARING</b>
1	Tapak Bina Jalan Langat	Tempat Kerja	Selangor	Klang	40	92
2	Industri Jalan Jati Kiri	Tempat Kerja	Selangor	Klang	55	115
3	Industri Anggerik Mokara 47	Tempat Kerja	Selangor	Klang	19	402
4	Industri Sungai Kayu Ara 32	Tempat Kerja	Selangor	Klang, Kuala Langat, dan Petaling	77	419
5	Industri Meranti Utama Satu	Tempat Kerja	Selangor	Sepang	17	338
6	Jalan Seladang	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	22	54
7	Jalan Jelawat Satu	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	5	230
8	Industri Sungai Baong	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan dan Seberang Perai Tengah	14	239
9	Tingkat Mak Mandin Lima	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	25	268
10	PLO Jalan Tembaga	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	14	143
11	Jalan Tanjong Puteri	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	10	54
12	Simpang Pinggiran Tongkang	Tempat Kerja	Johor	Batu Pahat	19	215
13	Lorong Bukit Enam	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Cheras	95	115
14	Dah Tapak Bina Pauh	Tempat Kerja	Kedah	Pendang dan Kuala Muda	18	46
15	Sawit Lung	Tempat Kerja	Sabah	Beluran	15	40
16	Industri KKIP Selatan	Tempat Kerja	Sabah	Kota Kinabalu dan Tuaran	12	66

17	Pengkalan Barat 2	Tempat Kerja	Perak	Kinta	9	140
18	Jalan Melor Ketereh	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	19	32
19	Kampung Sireh	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	9	25
20	Kampung Joh	Komuniti	Kelantan	Machang	18	23
21	Jalan Melur Tangkak	Komuniti	Johor	Tangkak	12	16
22	Jalan Paip	Komuniti	Johor	Tangkak	12	13
23	Sungai Sebatu	Komuniti	Sarawak	Meradong	33	99
24	Dah Kuala Jerlun	Komuniti	Kedah	Kubang Pasu	30	37
25	Nabun	Komuniti	Pahang	Lipis	21	25
26	Jalan Daud	Kumpulan Berisiko Tinggi	WP Kuala Lumpur	Titiwangsa	9	35
27	Lorong Ampang Dua	Kumpulan Berisiko Tinggi	WP Kuala Lumpur	Titiwangsa	25	29
28	Taman Sentosa Neram	Keagamaan	Terengganu	Kuantan	27	43
29	Kampung Hujung Tanjung	Keagamaan	Kelantan	Kota Bharu	11	23
30	Kampung Tengah Dalam	Institusi Pendidikan Swasta Yang Berdaftar Dibawah KPM	Johor	Kluang	30	116

**LAMPIRAN 5****NILAI  $R_T$  MENGIKUT NEGERI  
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN PADA 21 JULAI 2021**

<b>NEGERI</b>	<b>NILAI <math>R_T</math></b>
<b>TERENGGANU</b>	1.31
<b>SABAH</b>	1.25
<b>KEDAH</b>	1.23
<b>PULAU PINANG</b>	1.22
<b>JOHOR</b>	1.20
<b>WP PUTRAJAYA</b>	1.19
<b>SELANGOR</b>	1.15
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	1.14
<b>PAHANG</b>	1.14
<b>PERAK</b>	1.13
<b>MELAKA</b>	1.12
<b>KELANTAN</b>	1.10
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	1.08
<b>SARAWAK</b>	0.95
<b>WP LABUAN</b>	0.75
<b>PERLIS</b>	0
<b>MALAYSIA</b>	<b>1.12</b>